

Wanita lintas jalan punca nahas maut disambung reman

TEMERLOH - Seorang wanita yang memberhentikan kenderaan sebelum melintas jalan sehingga mengakibatkan kemalangan maut di KM98.6 Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1) pada 26 April lalu disambung reman pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mazlan Hassan berkata, tempoh tahanan reman disambung bertujuan melengkapkan

siasatan.

"Hari ini baru sambung (reman), belum ada keputusan (tempoh tahanan)," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini wanita berusia 35 tahun itu ditahan reman pada Sabtu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 304 (A) Kanun Keseksaan.

Dalam kejadian itu, seorang lelaki

berusia 34 tahun yang juga pemuzik di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) maut selepas motosikal ditungganginya merempuh belakang pikap jenis Mitsubishi Triton.

Mazlan berkata, siasatan awal mendapati kemalangan berlaku ekoran tindakan seorang wanita bertindak melintas ke lorong kanan lebuhraya.